

Rujukan kami : ()PSMB/20/8 Kulit 6
Tarikh : 13 Januari 2014

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 1/2014
PEMANSUHAN SKIM PROLUS DAN SKIM PERLA**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan berdaftar mengenai pemansuhan Skim PROLUS dan Skim PERLA di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 PSMB telah membangunkan pelbagai skim latihan untuk majikan berdaftar mendapatkan bantuan kewangan melalui KWPSM bagi mengadakan program latihan dan latihan semula kepada para pekerja iaitu SBL, SBL-Khas, PROLUS dan PERLA. Setiap skim yang ditawarkan mempunyai terma dan syarat tersendiri berdasarkan kepada keperluan latihan mahupun penawaran oleh penyedia latihan. Walau bagaimanapun, kepelbagaian skim ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan majikan.

3.0 PEMANSUHAN SKIM PROLUS DAN SKIM PERLA

- 3.1 Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PSMB pada 16 Disember 2013, telah memutuskan agar Skim PERLA dan Skim PROLUS dimansuhkan. Majikan hanya perlu memilih di antara SBL atau SBL-Khas bagi tujuan memohon bantuan kewangan KWPSM.

- 3.2 Program latihan yang masih aktif di bawah Skim PROLUS dan Skim PERLA akan dipindahkan di bawah Skim SBL-Khas. Oleh yang demikian majikan yang ingin memohon program berkenaan boleh mengemukakan permohonan di bawah Skim SBL-Khas.

4.0 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini akan berkuatkuasa pada 15 Januari 2014.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Sebarang pertanyaan dan bantuan berhubung perkara di atas, sila hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan kami di talian 1-800-88-4800.

Sekian, terima kasih.

“HRDF – SHAPING PEOPLE”
“Pekerja Pemangkin Transformasi Negara”

Yang Ikhlas,

(ALI BADARUDDIN BIN ABD. KADIR)
Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad